

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar proses persempadanan baru di Sarawak sudah bercanggah dengan peraturan-peraturan yang ditentukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Adakah persempadanan baru ini mengikut cadangan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Malaysia.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya dijalankan adalah berlandaskan kepada peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak dilaksanakan selaras dengan keputusan Dewan Undangan Negeri Sarawak yang meluluskan pindaan undang-undang ke atas Fasal 2, Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sarawak berhubung komposisi keanggotaan DUN daripada 71 kerusi kepada 82 kerusi pada 11 November 2014 dan telah diwartakan untuk dikuatkuasakan pada 5 Disember 2014.

Sehubungan dengan itu, SPR perlu menjalankan urusan Kajian Semula Persempadanan bagi bahagian-bahagian pilihan raya Negeri Sarawak selaras dengan peruntukan Fasal 3A, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh bilangan ahli yang dipilih bagi Dewan Undangan sesuatu Negeri diubah berikutan dengan suatu undang-undang yang diperbuat oleh badan perundangan sesuatu negeri. Berdasarkan kepada Fasal 6, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, urusan Kajian Semula Persempadanan terbahagi kepada tiga unit berasingan iaitu Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Oleh itu, urusan Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri Sarawak boleh dilakukan secara berasingan daripada unit-unit lain.

Walau bagaimanapun, oleh kerana lat tempoh 8 tahun bagi Negeri Sarawak telah pun mencukupi, maka urusan Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri Sarawak ini adalah tertakluk kepada peruntukkan Fasal 3B, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, SPR hendaklah memulakan urusan Kajian Semula Persempadanan sebaik sahaja undang-undang Perlembagaan Negeri Sarawak berhubung perkara ini dikuatkuasakan.

Oleh kerana ia melibatkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal 3B, Perkara 113, maka notis persempadanan yang telah dikeluarkan oleh SPR adalah di bawah Fasal 2, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Apabila notis ini dikeluarkan, SPR perlu menyiapkan kajian tersebut dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Sehubungan dengan itu, ingin ditegaskan sekali lagi bahawa Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya dijalankan berlandaskan kepada peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dan tidak berkaitan dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (32)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 19 MAC 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah pencegahan penjualan dan pengambilan samsu haram memandangkan impaknya yang serius terhadap masyarakat terutama sekali dari etnik India.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen menjual minuman keras dikeluarkan oleh Pejabat Daerah berdasarkan peruntukan Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176) manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian. Bagi PBT, sekiranya ia melibatkan premis tidak berlesen atau penyalahgunaan lesen, PBT berkenaan boleh mengambil tindakan di bawah Undang-undang Kecil yang dikuatkuasakan. Jawatankuasa Pelesenan menjual minuman keras pula dipengerusikan oleh Pegawai Daerah manakala PBT bertindak sebagai salah seorang ahli jawatankuasa.

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 19 MAC 2015

RUJUKAN : 7533

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan polis terhadap Mashitah Ibrahim dan ucapannya semasa perhimpunan agung UMNO bulan November lalu yang mendakwa orang Cina Kedah membakar kitab Quran di Kedah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis memandang serius perkara yang ditakrifkan sebagai menghasut terutamanya yang melibatkan sensitiviti perkauman dan agama tanpa mengira kedudukan seseorang yang mengeluarkan pernyataan tersebut dan akan menjalankan siasatan atas laporan yang telah dibuat dengan adil dan saksama.

Siasatan berhubung dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Dato' Dr. Mashitah Ibrahim yang menyatakan komuniti Cina di Kuala Kedah telah membakar Al-Quran dalam upacara keagamaan, semasa Perhimpunan Agung UMNO di PWTC. Sebanyak 10 laporan polis telah dibuat oleh pelbagai pihak bagi membantah kenyataan yang dikeluarkan oleh suspek. Siasatan telah dijalankan berkait Sentul Repot 20032/2015 bertarikh 05 Disember 2014, di bawah Seksyen 505 (b) Kanun Keseksan iaitu kesalahan yang melibatkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam. Siasatan telah lengkap dan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 5 Februari 2015 dan menunggu arahan selanjutnya.